

PM Teruja Dengan Komitmen Baru Malaysia-China
Bername
5 Oct, 2013

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak cukup teruja dengan komitmen baru yang dicapai Malaysia-China dalam beberapa hari lepas.

Perdana Menteri berkata dengan kerjasama mantap dengan China dalam bidang seperti informasi, telekomunikasi, teknologi dan sains angkasa, Malaysia siap sedia untuk mengangkat prestasi ekonomi ke tahap lebih besar.

"President Xi Jinping telah menyifatkan hubungan Malaysian-China sebagai 'peluang seumur hidup.

"Malaysia muncul sebagai rakan perdagangan Asean terbesar untuk China buat lima tahun lepas," kata Najib dalam Facebooknya hari Sabtu.

Xi, isteri Peng Liyuan dan delegasi China mengakhiri lawatan negara tiga hari mereka ke Malaysia dan berlepas ke Bali, Indonesia hari ini untuk menyertai mesyuarat pemimpin-pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ke-21.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983424>